DATA PRIVACY NOTICE TO SHAREHOLDERS, PROXIES AND REPRESENTATIVES UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 ("Notice")

Berjaya Assets Berhad (Registration No. 196001000237 [3907-W]) ("Berjaya Assets" or "we" or "us" or "our") is the data controller of the personal data described in this Notice and strives to protect your personal data in accordance with the Personal Data Protection Act 2010, as amended by the Personal Data Protection (Amendment) Act 2024 ("the Act"). For the purpose of this Notice, the terms "personal data" and "processing" have the same meaning as in the Act. This Notice applies to our shareholders, their proxies, corporate representatives and attorneys, and other persons who attend the Sixty-Sixth Annual General Meeting to be held on 3 December 2026 at Manhattan III, Level 14, Berjaya Times Square Hotel Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, and any adjournment of it ("66th AGM"). It supplements our general Personal Data Protection Notice published on our website; if the two differ on matters relating to shareholders or the 66th AGM, this Notice applies.

The purposes for which your personal data is processed, and the basis on which we do so, are:

- to maintain and administer the register of members and the Record of Depositors, and to verify your entitlement to attend, speak and vote at the 66th AGM (legal obligation under the Companies Act 2016, the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad and the securities depository rules);
- to receive, validate and administer Forms of Proxy and appointments of representatives, to record voting instructions, and to conduct and verify the poll (legal obligation, and necessary to act on your request to appoint a proxy or representative);
- to register attendance and to prepare the attendance list, minutes, poll results, announcements and other records of the 66th AGM (legal obligation);
- to receive and respond to questions or comments raised by shareholders before or at the 66th AGM (necessary to act on your request, and legal obligation);
- to respond to auditors, regulators, enforcement authorities and legal proceedings, and to comply with any other legal, statutory or regulatory requirement (legal obligation);
- for the security and safety of the venue, through CCTV and access control (your consent, which you give by attending after signage is displayed); and
- to make audio-visual recordings of the 66th AGM, as set out below (your consent).

The 66th AGM will be video-recorded for the purposes of preparing accurate minutes and keeping corporate records. Photographs may also be taken. Recordings may capture the Chairman, Directors, speakers and attendees. If you do not wish to be recorded or photographed, please inform the registration desk before the meeting so that we can make reasonable arrangements. You may withdraw your consent for recording or photography at any time, but this does not affect recordings made before the withdrawal. We do not use personal data collected for the 66th AGM for marketing.

Your personal data is or will be collected from information provided by you, including the Form of Proxy, registration at the venue, the Berjaya Registration Portal (https://www.berjayaregistration.com.my) and postal, telephone and e-mail communications with you; from the member who appoints you as proxy or representative; and from third parties, including Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Bursa Malaysia Securities Berhad, and your authorised nominees, stockbrokers and remisiers. We do not collect sensitive personal data for the 66th AGM, and we ask that you do not include any in your submissions.

You may be required to provide your name, identity card/passport/company registration number, CDS account number, address, telephone number, e-mail address, number of shares held, signature and voting instructions, and the same particulars of your proxy or representative. Your name, identification number, CDS account number and signature are obligatory. If you do not provide them, or they are incomplete, we may not be able to accept your Form of Proxy or admit you to attend and vote at the 66th AGM. Your telephone number and e-mail address are voluntary, and not providing them will not affect your voting rights.

Your personal data may be disclosed on a need-to-know basis, under written agreements or legal duties of confidentiality, to our share registrar and poll administrator, Berjaya Registration Services Sdn Bhd, which processes personal data on our behalf and on our instructions; to independent scrutineers and our company secretary; to our auditors, legal advisers, other professional advisers and IT, cloud and security service providers; to Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, the Securities Commission Malaysia, the Companies Commission of Malaysia and other authorities where required by law; to the venue operator for access and security management; and to other members to the extent that attendance lists, minutes or the register are open to inspection under the Companies Act 2016. We do not sell your personal data.

Your personal data is held in Malaysia and the Berjaya Registration Portal data is hosted in Malaysia. If any personal data is transferred outside Malaysia, we will do so only where the destination has laws substantially similar to the Act or ensures an adequate level of protection, and under a written data transfer agreement.

We apply technical, organisational and physical security measures in accordance with the Personal Data Protection Standard 2015, and require our share registrar and other service providers to do the same. If a personal data breach occurs that is likely to cause significant harm, we will notify the Personal Data Protection Commissioner and the affected individuals as the Act requires.

We keep your personal data only for as long as it is needed for the purposes above and as required by law. Minutes and poll results are statutory records and are kept as the law requires.

To help us keep your personal data accurate, complete and up to date, please inform our share registrar promptly of any change to the particulars you have given us, including changes to your address or contact details.

Further, we request that you bring this Notice to the attention of your proxy, representative or attorney before you provide their personal data to us. A copy is available on our website and from our share registrar.

Our share registrar and poll administrator is the main contact point for all enquiries relating to your personal data. You may at any time contact them to request access to or correction of your personal data, to withdraw your consent or limit the processing of your personal data, to request data portability where the Act allows, to make an enquiry or to lodge a complaint, quoting “BAssets-66th AGM”:

Berjaya Registration Services Sdn Bhd
09-27, Level 9, Berjaya Times Square
No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telephone : +603 2145 0533
E-mail : shareg@berjayareg.com.my

They will verify your identity and refer to us any request that requires our decision, and we will respond within the period prescribed by the Act. These rights may be limited where we are required by law to keep or process the data (for example, the register of members and statutory records) or where the Act permits us to refuse a request. Details of our Data Protection Officer are available in our general Personal Data Protection Notice on our website. You may also complain to the Personal Data Protection Commissioner (Jabatan Perlindungan Data Peribadi).

We shall process your personal data for the purposes above on the bases stated, and not on the basis of consent alone, except where this Notice expressly says that consent is the basis. Berjaya Assets reserves the right to change or amend this Notice from time to time and will publish the updated version on our website.

In the event of any inconsistency between the contents of the English and the Bahasa Malaysia versions of this Notice, the content of the English version shall prevail.

NOTIS PRIVASI DATA KEPADA PEMEGANG SAHAM, PROKSI DAN WAKIL DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("Notis")

Berjaya Assets Berhad (No. Syarikat 196001000237 [3907-W]) ("Berjaya Assets" atau "kami") ialah pengawal data bagi data peribadi yang diterangkan dalam Notis ini dan berusaha untuk melindungi data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, sebagaimana dipinda oleh Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 ("Akta"). Untuk tujuan Notis ini, istilah "data peribadi" dan "pemprosesan" mempunyai maksud yang sama seperti dalam Akta. Notis ini terpakai kepada pemegang saham kami, proksi, wakil korporat dan pemegang kuasa wakil mereka, serta individu lain yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Enam Puluh Enam yang akan diadakan pada 3 Disember 2026 di Manhattan III, Tingkat 14, Berjaya Times Square Hotel Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, dan sebarang penangguhannya ("AGM Ke-66"). Notis ini melengkapkan Notis Perlindungan Data Peribadi am kami yang disiarkan di laman web kami; jika terdapat percanggahan mengenai perkara berkaitan pemegang saham atau AGM Ke-66, Notis ini yang terpakai.

Tujuan data peribadi anda diproses, dan asas kami berbuat demikian, adalah:

- untuk menyelenggara dan mentadbir daftar ahli dan Rekod Penyimpan, dan untuk mengesahkan kelayakan anda hadir, bercakap dan mengundi di AGM Ke-66 (kewajipan undang-undang di bawah Akta Syarikat 2016, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan peraturan depositori sekuriti);
- untuk menerima, mengesahkan dan mentadbir Borang Proksi dan pelantikan wakil, merekod arahan mengundi, serta mengendalikan dan mengesahkan undian (kewajipan undang-undang, dan perlu bagi bertindak atas permintaan anda untuk melantik proksi atau wakil);
- untuk mendaftar kehadiran dan menyediakan senarai kehadiran, minit, keputusan undian, pengumuman dan rekod lain AGM Ke-66 (kewajipan undang-undang);
- untuk menerima dan menjawab soalan atau komen yang dikemukakan oleh pemegang saham sebelum atau semasa AGM Ke-66 (perlu bagi bertindak atas permintaan anda, dan kewajipan undang-undang);
- untuk memberi maklum balas kepada juruaudit, pengawal selia dan pihak berkuasa penguatkuasaan, bagi prosiding undang-undang, dan untuk mematuhi apa-apa keperluan undang-undang, berkanun atau pengawalseliaan yang lain (kewajipan undang-undang);
- untuk keselamatan tempat mesyuarat, melalui CCTV dan kawalan akses (persetujuan anda, yang diberikan dengan menghadiri selepas papan tanda dipamerkan); dan
- untuk membuat rakaman audio-visual AGM Ke-66, seperti yang dinyatakan di bawah (persetujuan anda).

AGM Ke-66 akan dirakam video bagi tujuan menyediakan minit yang tepat dan menyimpan rekod korporat. Gambar juga mungkin diambil. Rakaman mungkin merangkumi Pengerusi, Pengarah, pembicara dan hadirin. Jika anda tidak mahu dirakam atau digambar, sila maklumkan kepada meja pendaftaran sebelum mesyuarat supaya kami dapat membuat pengaturan yang munasabah. Anda boleh menarik balik persetujuan anda untuk rakaman atau gambar pada bila-bila masa, tetapi ini tidak menjejaskan rakaman yang dibuat sebelum penarikan balik. Kami tidak menggunakan data peribadi yang dikumpul untuk AGM Ke-66 bagi tujuan pemasaran.

Data peribadi anda dikumpulkan atau akan dikumpulkan daripada maklumat yang anda berikan, termasuk Borang Proksi, pendaftaran di tempat mesyuarat, Portal Pendaftaran Berjaya (https://www.berjayaregistration.com.my) dan komunikasi melalui pos, telefon dan e-mel dengan anda; daripada ahli yang melantik anda sebagai proksi atau wakil; dan daripada pihak ketiga, termasuk Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Bursa Malaysia Securities Berhad, serta penama yang dibenarkan, broker saham dan remiser anda. Kami tidak mengumpul data peribadi sensitif untuk AGM Ke-66, dan kami meminta anda supaya tidak menyertakan sebarang data sedemikian dalam penghantaran anda.

Anda mungkin dikehendaki memberikan nama, nombor kad pengenalan/pasport/pendaftaran syarikat, nombor akaun CDS, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, bilangan saham yang dipegang, tandatangan dan arahan mengundi anda, serta butiran yang sama bagi proksi atau

wakil anda. Nama, nombor pengenalan, nombor akaun CDS dan tandatangan anda adalah wajib. Jika tidak diberikan, atau tidak lengkap, kami mungkin tidak dapat menerima Borang Proksi anda atau membenarkan anda hadir dan mengundi di AGM Ke-66. Nombor telefon dan alamat e-mel anda adalah sukarela, dan tidak memberikannya tidak akan menjejaskan hak mengundi anda.

Data peribadi anda mungkin didedahkan atas dasar perlu mengetahui, di bawah perjanjian bertulis atau kewajipan kerahsiaan di sisi undang-undang, kepada pendaftar saham dan pentadbir undian kami, Berjaya Registration Services Sdn Bhd, yang memproses data peribadi bagi pihak kami dan atas arahan kami; kepada penskrutini bebas dan setiausaha syarikat kami; kepada juruaudit, penasihat undang-undang, penasihat profesional lain serta penyedia perkhidmatan IT, awan dan keselamatan kami; kepada Bursa Malaysia Securities Berhad, Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa lain jika dikehendaki oleh undang-undang; kepada pengendali tempat mesyuarat bagi pengurusan akses dan keselamatan; dan kepada ahli lain setakat mana senarai kehadiran, minit atau daftar itu terbuka untuk pemeriksaan di bawah Akta Syarikat 2016. Kami tidak menjual data peribadi anda.

Data peribadi anda disimpan di Malaysia dan data Portal Pendaftaran Berjaya dihoskan di Malaysia. Jika sebarang data peribadi dipindahkan ke luar Malaysia, kami akan berbuat demikian hanya jika destinasi tersebut mempunyai undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan Akta atau memastikan tahap perlindungan yang mencukupi, dan di bawah perjanjian pemindahan data bertulis.

Kami melaksanakan langkah keselamatan teknikal, organisasi dan fizikal selaras dengan Standard Perlindungan Data Peribadi 2015, dan memerlukan pendaftar saham dan penyedia perkhidmatan lain kami berbuat yang sama. Jika berlaku pelanggaran data peribadi yang berkemungkinan menyebabkan kemudaratan yang ketara, kami akan memaklumkan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dan individu yang terjejas sebagaimana dikehendaki oleh Akta.

Kami menyimpan data peribadi anda hanya selagi ia diperlukan bagi tujuan di atas dan sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang. Minit dan keputusan undian ialah rekod berkanun dan disimpan mengikut kehendak undang-undang.

Bagi membantu kami memastikan data peribadi anda tepat, lengkap dan terkini, sila maklumkan pendaftar saham kami dengan segera tentang sebarang perubahan kepada butiran yang telah anda berikan kepada kami, termasuk perubahan alamat atau butiran hubungan.

Seterusnya, kami meminta anda membawa Notis ini kepada perhatian proksi, wakil atau pemegang kuasa wakil anda sebelum anda memberikan data peribadi mereka kepada kami. Salinan boleh didapati di laman web kami dan daripada pendaftar saham kami.

Pendaftar saham dan pentadbir undian kami ialah pihak utama untuk dihubungi bagi semua pertanyaan berkaitan data peribadi anda. Anda boleh, pada bila-bila masa, menghubungi mereka untuk memohon akses kepada atau pembetulan data peribadi anda, menarik balik persetujuan atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, meminta kemudahalihan data jika Akta membenarkan, membuat pertanyaan atau mengemukakan aduan, dengan menyatakan “BAssets-AGM Ke-66”:

Berjaya Registration Services Sdn Bhd
09-27, Tingkat 9, Berjaya Times Square
No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia.
No. Telefon : +603 2145 0533
E-mel : shareg@berjayareg.com.my

Mereka akan mengesahkan identiti anda dan merujuk kepada kami sebarang permintaan yang memerlukan keputusan kami, dan kami akan memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan oleh Akta. Hak-hak ini mungkin terhad jika kami dikehendaki oleh undang-undang menyimpan atau memproses data tersebut (contohnya, daftar ahli dan rekod berkanun) atau jika Akta membenarkan kami menolak permintaan itu. Butiran Pegawai Perlindungan Data kami boleh didapati dalam Notis Perlindungan Data Peribadi am kami di laman web kami. Anda juga boleh membuat aduan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (Jabatan Perlindungan Data Peribadi).

Kami akan memproses data peribadi anda bagi tujuan di atas berdasarkan asas yang dinyatakan, dan bukan semata-mata berdasarkan persetujuan, kecuali jika Notis ini menyatakan secara jelas bahawa persetujuan ialah asasnya. Berjaya Assets berhak mengubah atau meminda Notis ini dari semasa ke semasa dan akan menyiarkan versi terkini di laman web kami.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kandungan versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Notis ini, kandungan versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.